

Headline **Pelabur komersialkan TRAW dicari**
Date **03 Jun 2010**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Ekonomi**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **20**
Article Size **165 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **2,150**
PRValue **6,450**



Pelabur komersialkan TRAW dicari

KUALA LUMPUR 2 Jun – Che Dzayauddin Ishak Sdn. Bhd. (CDI) sedang mencari pelabur untuk mengkomersialkan Torrefied Acasia Wood Pellets (TRAW), sejenis biofuel berkecekapan tinggi.

“CDI merupakan badan promosi bagi TRAW sekarang dan kami sedang mencari pelabur,” kata Pengerusinya, Tan Sri Dr. Abdul Hamid Pawan Teh.

Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM) hari ini memeterai perjanjian pelesenan teknologi dengan CDI, yang memberikan hak eksklusif kepada syarikat tersebut untuk mengkomersialkan TRAW.

CDI adalah sebuah syarikat kejuruteraan dan kontrak yang menyediakan penyelesaian menyeluruh bagi tenaga boleh diperbaharui.

FRIM menjual hak itu kepada CDI di bawah perjanjian pelesenan 10 tahun bagi jumlah RM2.5 juta.

Abdul Hamid berkata, syarikat itu sedang berunding dengan beberapa pelabur berpotensi untuk membawa produk bahan api hijau baharu itu ke dalam pasaran.

Bagaimanapun, beliau enggan mendedahkan pelabur-pelabur tersebut.

TRAW merupakan hasil daripada usaha pembangunan dan penyelidikan FRIM untuk mencari lebih banyak kegunaan tokokan nilai bagi pokok akasia, yang ketika ini hanya digunakan bagi membuat serpihan kayu.

“Sebaik sahaja pelabur dikenal pasti bagi modal yang diperlukan, untuk memulakan projek itu, CDI akan membina kilang pembuatan berskala besar yang dijangka me-

ngambil masa setahun untuk disiapkan.

“Kami belum lagi menentukan berapa banyak kilang akan dibina atau mengenal pasti lokasinya,” katanya selepas majlis permieterian itu.

CDI mengunjurkan kira-kira RM10 juta bagi sebuah kilang dan ia dijangka menghasilkan anggaran 100,000 tan TRAW setahun.

Bercakap mengenai sasaran pasaran bagi biofuel baharu itu, Abdul Hamid berkata, ketika ini permintaan kebanyakannya dari luar negara.

“Justeru itu, kami merancang menembusi pasaran Eropah terlebih dahulu,” katanya.

Beliau juga berkata, CDI akan mempromosi dan mengkomersialkan TRAW menggunakan sistem teknologi tinggi yang dipanggil, Airless Technology, dari United

Kingdom untuk menghasilkannya dengan lebih cekap.

TRAW itu dijangka berada dalam pasaran dalam tempoh dua tahun lagi, kata Abdul Hamid.

Sementara itu, Ketua Pengarah FRIM Datuk Dr. Abdul Latif Mohmod berkata, idea asas di sebalik penerokaan ini adalah mengambil kesempatan daripada bahan api berlaku semula jadi sebagai satu sumber tenaga.

“Ini dilakukan secara kos yang cekap, di samping menyumbang kepada perlindungan alam sekitar,” katanya.

Beliau juga berkata, TRAW merupakan pengganti yang baik bagi arang dan pelet kayu dan pengembangan teknologi boleh diperbaharui ini akan mempelbagaikan bekalan tenaga negara. - BERNAMA